



# INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA KUALA PERLIS

## Company Profile

Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Perlis merupakan salah satu Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang menawarkan latihan teknikal, ditubuhkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Institut ini ditubuhkan untuk memberikan latihan kemahiran kepada golongan belia dalam bidang – bidang kemahiran berasaskan kepada modul Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan / National Occupation Skill Standard (NOSS) bagi melahirkan sumber tenaga kerja mahir yang berwawasan mengikut piawaian Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Selain itu, institut ini menyediakan latihan jangka pendek kepada industri mengikut bidang bagi meningkatkan kemahiran pekerja industri tersebut.

Institut ini menawarkan 7 jurusan iaitu :

1. Sijil Lanjutan Teknologi Marin (Penyelenggaraan Marin)
2. Sijil Lanjutan Teknologi Automotif (Semburan Cat)
3. Sijil Lanjutan Teknologi Automotif (Penyelenggaraan Kereta)
4. Sijil Lanjutan Teknologi Automotif (Penyelenggaraan Jentera Berat)
5. Sijil Lanjutan Teknologi Automotif (Penyelenggaraan Kenderaan Perdagangan)
6. Sijil Lanjutan Teknologi Awam (Lukisan Seni Bina)
7. Sijil Teknologi Awam (Juruperencah -Tubular)

<http://kemahiran.kbs.gov.my/ms/ikbn-kuala-perlis-info-korporat/ikbn-kuala-perlis-info-ikbn.html>

